

Bab 2

SOROTAN KAJIAN BERKAITAN

2.0 Pengenalan

Pragmatik merupakan kajian mengenai penggunaan bahasa. Bagaimana sesuatu bahasa itu digunakan adalah berkaitan dengan makna. Dalam konteks komunikasi, bahasa dianggap sebagai wahana menyampaikan maklumat dari penutur kepada pendengar. Bahasa juga boleh digunakan sebagai alat pengukuran makna dan interaksi. Jadi, penyampaian dan penerimaan maklumat yang berkesan bergantung rapat kepada kecekapan berbahasa penutur dan penerima atau pendengar. Kecekapan ini mencakupi aspek persamaan makna selaras dengan matlamat komunikasi antara penutur dan pendengar.

Dalam hal ini aspek pragmatik perlu diambil kira supaya mendapat makna yang berkesan. Ini adalah kerana pragmatik berkait rapat dengan interpretasi terhadap ayat atau ujaran di dalam konteks yang lebih luas, termasuk pemahaman terhadap wacana yang berkaitan, kepercayaan dan jangkaan oleh seorang penutur dan pendengar, hubungan sosial mereka, fungsi sosial, tanggungjawab serta pengetahuan latar belakang dan sebagainya. Ini dapat dibuktikan dengan mengambil kira pendapat yang telah dikemukakan oleh Leech (1983) telah memberikan definisi pragmatik sebagai satu kajian bagaimana sesuatu ujaran mempunyai makna di dalam sesuatu situasi di mana terdapat kesediaan pengguna bahasa untuk berkomunikasi.

Hal ini juga ditegaskan oleh Jens Allwood (1978:147) yang mengutarakan pendapatnya bahawa pragmatik merupakan konsep terhadap komunikasi linguistik sebagai satu bentuk perlakuan dan interaksi di antara penutur - pendengar. Penutur melakukan pelbagai aksi komunikatif (bersuara atau pun tanpa bersuara). Pendengar akan bertindak balas terhadap aksi tersebut tanpa mengira sama ada dia memahami atau tidak, sedar atau tidak, dia tetap akan membentuk sikap atau pun pendirian tertentu.

Sejauh penjelasan tadi, dapatlah disimpulkan bahawa pragmatik merupakan satu kajian terhadap peranan pertuturan, penggunaan dan maknanya. Kajian ini melibatkan begaimana sesuatu bahasa itu digunakan dalam berbagai konteks dan cara-cara bertutur yang bersesuaian dengan konteks tersebut dengan mengambil kira sikap, pengetahuan latar belakang terhadap sesuatu perbualan dan juga faktor linguistik termasuklah ekstralinguistik yang lain.

Dari sinilah penulis akan mengadunca aspek kesantunan dengan bidang pragmatik. Kesan daripada itulah nanti akan terlihat pancaran pragmatik pengucapan dalam masyarakat Melayu. Sesungguhnya masyarakat Melayu sememangnya terkenal tinggi dengan akal budi, berbudi pekerti mulia, bersopan, berhemah dan sebagainya yang menunjukkan peribadi dan perlakuan yang mulia. Penulis akan cuba membincangkan fenomena sosial yang paling asas bagi sesebuah masyarakat iaitu kekeluargaan. Penulis akan membicarakan manifestasi struktur dan organisasi keluarga melalui sistem panggilan serta peranan yang dimainkan oleh seluruh ahli keluarga. Semuanya berlegar kepada cara anggota berhubung antara satu sama lain (komunikasi lisan), cara menegur

atau mamberi nasihat, menyapa, bertutur, bergaul dan sebagainya. Dari sinilah penulis akan menganalisis aspek kesantunan yang ditekankan dalam kajian ini.

2.1 Konsep Kesantunan dari Kaca Mata Orang Melayu

Kesopanan berasal daripada kata akar 'sopan' yang bererti, hormat iaitu segan dan takzim dengan tatatertib, baik budi bahasanya, tahu tertib peraturan, beradab, baik perangai dan kelakuannya iaitu tidak cabul atau lacur, merasa segan seperti takut, gentar atau ngeri. Kesopanan bermaksud perihal sopan iaitu berkaitan dengan tingkah laku, tutur kata dan lainnya, adat sopan santun, tatasusila, tingkah laku (tutur kata) yang baik, keadaban, peradaban (Kamus Dewan, 1991:1221-1222).

Santun pula membawa makna sebagai halus budi bahasa atau budi pekerti, beradab, sopan, berasa kasihan dan suka menolong. Kesantunan pula ditakrifkan sebagai perihal santun, kesopanan, kehalusan budi bahasa atau budi pekerti baik dalam bahasa lisan ataupun tulisan (Kamus Dewan, 1991:1115).

Jadi dapatlah dirumuskan bahawa kesantunan atau kesopanan itu menjurus kepada adab sopan, halus pekerti atau budi bahasa yang luhur dalam aspek tutur kata, perbuatan atau kelakuan dan sebagainya. Dengan kata lain, kesopanan merupakan pertuturan dan tingkah laku yang baik, beradab, tidak meninggi diri, tidak membanggakan diri sendiri, bersopan santun, berbudi pekerti yang tinggi dan tidak sompong kepada orang lain (Abd.Aziz Shamsuddin, 1999:24).

Individu yang bersopan sering kali akan menjaga pertuturan dan perbuatan mereka supaya tidak menyenggung perasaan orang lain. Orang yang bersopan tidak menunjukkan tingkah laku yang biadab yang boleh menimbulkan perasaan marah orang lain. Bersopan harus dilakukan tidak kira masa dan tempat kerana orang yang bersopan santun lebih dihormati. Orang yang bersopan lebih suka merendah diri dengan mematuhi tatasusila masyarakat. Mereka menggunakan perkataan yang sesuai untuk meminta sesuatu daripada orang lain seperti, menggunakan perkataan 'tolong' ketika meminta atau menyuruh orang lain, 'terima kasih' selepas menerima sesuatu dan lain-lain. Malah orang yang mempunyai sifat sopan selalu bertegur sapa apabila berjumpa dengan orang lain. Sikap ini boleh menjadikan hubungan silatulrahim bertambah erat.

Antara ciri-ciri individu yang mempunyai nilai kesantunan ialah:

- i. Berbudi pekerti mulia dan beradab di sepanjang masa dan tempat.
- ii. Perilaku yang bersopan dan elok dipandang orang atau masyarakat.
- iii. Tidak menunjuk-nunjuk atau bersikap angkuh dalam sebarang perbuatan atau pekerjaan yang dilakukan.
- iv. Lemah lembut dan berbudi bahasa seperti menggunakan bahasa yang sesuai dengan situasi dan dengan siapa kita bercakap
- v. Membantu golongan yang memerlukan bantuan dengan rasa rela dan keikhlasan tanpa mengharapkan apa-apa balasan.
- vi. Menjaga nama baik diri, agama, masyarakat, bangsa dan negara.

Amalan nilai kesopanan dapat dilihat melalui amalan bertegur sapa atau bertutur dengan menggunakan bahasa yang lembut dan tidak sompong kepada orang lain. Mereka ini tidak bersikap biadab dan kasar kepada rakan-rakan atau orang lain yang lebih tua. Selain itu mereka yang mempunyai nilai sopan ini tidak akan menjatuhkan maruah orang lain atau menunjukkan perbuatan yang tidak senonoh atau perbuatan yang tidak bermoral seperti menunjukkan isyarat lucah, mencarut dan sebagainya.

Apabila mengemukakan pandangan atau pendapat dilakukan dengan penuh sopan dan memberikan alasan bersama-sama cadangan yang munasabah terutama ketika menghadiri mesyuarat. Memohon maaf dengan segera jika melakukan kesalahan. Memberikan penjelasan yang munasabah tentang sesuatu masalah yang timbul. Sentiasa mengucapkan kata-kata hormat seperti selamat pagi, selamat datang, memberi salam dan seumpama dengannya. Menggunakan kata-kata yang lembut dan menunjukkan hormat kepada orang lain yang lebih tua seperti tuan, puan, encik, kakak, mak cik, pak cik dan sebagainya (Abd.Aziz Shamsuddin, 1999:24)

Bahasa merupakan alat sosial yang amat penting untuk menjalinkan perhubungan, persahabatan sesama manusia untuk menyampaikan sesuatu mesej atau maksud. Dalam hal ini masyarakat Melayu sememangnya begitu prihatin, mempunyai daya sensitiviti yang begitu tinggi terhadap aspek berbahasa. Mereka amat kuat berpegang kepada adat berbahasa. Setiap tutur kata yang diujarkan mesti teliti dan berhati-hati agar tidak timbul soal 'terasa hati' atau 'kecil hati' kepada pasangan yang sedang berkomunikasi.

Misalnya kita temui pepatah yang berbunyi; '*telajak perahu bolch diundur, telajak kata badan binasa*'. Pepatah ini memberi isyarat betapa masyarakat Melayu amat berpegang kuat kepada prinsip menjaga hati teman, jiran, rakan dan ahli keluarga ketika berinteraksi sesama mereka. Kepada mereka, tersilap cakap boleh membawa kesan yang amat buruk kepada si penuturnya. Begitu juga halnya dengan sikap masyarakat Melayu yang begitu menitik beratkan soal tidak berterus terang dalam menyampaikan sesuatu perkara, hajat, nasihat atau sebagainya. Mereka amat kuat berpegang kepada prinsip tidak mahu menyentuh perasaan orang lain ketika berkomunikasi. Mereka akan cuba sedaya mungkin untuk menggunakan bahasa yang selebut atau sehalus mungkin dalam perbualan. Dari sinilah kita dapat lihat betapa masyarakat Melayu sememangnya mempunyai nilai bahasa yang tinggi iaitu bersopan santun ketika berbahasa.

Umpamanya, Asmah Haji Omar (1996) dalam bukunya Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan telah menjelaskan bahawa kesopanan boleh dilihat dari segi tingkah laku bukan bahasa dan juga dari segi bahasa. Menurutnya lagi kesopanan dari segi bahasa ialah:

penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan kemarahan,
kegusaran atau kecil hati daripada pihak yang lain dikatakan mewakili
penggunaan bahasa yang sopan

(Asmah Haji Omar, 1996:88)

Dari sini dapatlah kita katakan bahawa kesopanan atau kesantunan merupakan ciri budaya yang menuntut anggota masyarakatnya agar bersopan santun dan menghormati antara satu sama lain. Mengikut pandangan dunia masyarakat Melayu, sebenarnya konsep santun mempunyai kaitan rapat dengan konsep budi atau berbudi bahasa. Ini kerana budi itu sendiri sudah tersirat pekerti yang baik seperti akhlak yang

mulia. Akhlak yang mulia pula terangkum di dalamnya tutur kata atau budi bahasa yang baik, ikhlas, jujur, pemurah, belas kasihan, suka tolong-menolong, berbakti dan sebagainya. Ini dapat dibuktikan dengan jelas apabila kita melihat takrifan-takrifan yang telah dikemukakan oleh pengkaji tentang aspek budi dan kaitannya dengan sopan.

Makna kata "budi" dalam kebudayaan Melayu mengandungi pelajaran dan pendidikan rohani yang berdasarkan persaudaraan dan perikemanusiaan. Dasar budi ialah kasih mesra di antara manusia dengan manusia. Perbuatan yang dilakukan, kasih mesra yang diberikan adalah dengan tulus ikhlas, tidak pula mengkehendaki balasan atau keuntungan. Jika budi yang diberi atau dilakukan itu memberi nikmat dan bahagia kepada orang yang menerimanya, maka itulah hasil yang menjadi nilai bagi orang yang memberi atau melakukannya.

Sesungguhnya budi menjadi akar tunjang kebudayaan Melayu. Ia menjadi asas yang dipakai atau diamalkan oleh nenek moyang sejak zaman berzaman. Pada mulanya dalam hidup sepergaulan, kemudian semasyarakat dan seterusnya sebangsa. Pada hakikatnya masyarakat Melayu (Islam) memandang tinggi individu atau masyarakat yang berbudi tinggi, atau sekurang-kurangnya menjauhkan diri daripada sifat-sifat kerendahan budi. Sesungguhnya Islam tidak dapat dipisahkan lagi dengan kebudayaan Melayu.

Sehubungan itu, hakikat budi sememangnya dipengaruhi oleh ajaran agama yang dianuti. Cahaya budi itu tambah bersinar dan tenaganya lebih berjiwa setelah orang Melayu menganut agama Islam. Islam telah memperkuat tiang budaya orang Melayu.

Ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W disimpulkan oleh baginda dalam sabdanya yang bererti, "Hanya sanya aku diutuskan ini untuk mempertinggikan budi pekerti supaya menjadi budi pekerti yang baik". Jelas sekali kebudayaan Melayu berdasar dan berjiwakan budi menurut nilai Islam (Asmad, 1996: 9-12).

Sesuatu konsep atau cara hidup dalam sesuatu masyarakat itu dapat didukung oleh kata atau bahasa. Intisari daripada pepatah Melayu "bahasa jiwa bangsa", membawa pengertian bahawa orang yang halus budi bahasanya menunjukkan orang yang yang baik perangainya. Oleh yang demikian, secara tidak langsung bentuk bahasa yang digunakan oleh seseorang itu menjadi wahana untuk mengukur budi pekerti orang berkenaan.

Sehubungan itu, Marzukhi Nyak Abdullah (1993:227) mengatakan bahawa orang yang tutur katanya lemah lembut dan diucapkan dengan penuh sopan santun, pada dasarnya melambangkan peribadi yang baik. Implikasinya, orang yang bicaranya kasar, dituturkan tanpa pertimbangan yang mengambil kira hal-hal yang berkaitan dengan kesantunan mencerminkan peribadinya yang tidak baik. Kita memberikan tanggapan demikian kerana kita berandaian bahawa bahasa mempengaruhi pandangan hidup dan cara berfikir masyarakat melihat dan menaggapi keadaan dunia sekelilingnya atau bertepatan dengan apa yang dikatakan kebudayaan sesuatu masyarakat akan tercermin atau terpancar menerusi bahasanya.

Mengikut Teuku Iskandar (1970), dalam Kamus Dewan menjelaskan bahawa "budi" ialah perbuatan yang baik, sifat yang baik, kebajikan, akal, kebijaksanaan dan akhlak yang terpuji. Manakala Yunus Maris (1984), pula menyatakan bahawa "budi" didefinisikan sebagai tutur kata, budi bahasa, kejujuran, keadilan, pemurah, timbang rasa, perangai yang baik, watak yang baik, budi pekerti, berterima kasih dan akhlak yang terpuji.

Abdullah Hussain (1989) menyatakan bahawa kata "bahasa" membawa erti sopan santun. Manakala pendapat Drs.Awang Sudjai (1990) dalam Kamus Lengkap telah mendefinisikan santun sebagai beradab, sopan, halus budi pekerti, berasa kasihan akan orang lain dan juga suka menolong. Ungkapan budi bahasa dalam bahasa Melayu adalah pecahan daripada pokok kata "budi". Dua ungkapan lain yang dikaitkan dengan budi bahasa ialah 'budi pekerti' dan 'budi bicara'. Secara khusus budi bahasa diertikan sebagai tingkah laku dan peraturan. Budi pekerti membawa erti perangai, akhlak, tingkah laku dan kelakuan watak. Manakala budi bicara pula merupakan pertimbangan akal.

Dalam kebudayaan kita kalimat budi mengandungi maksud, akal, kebijaksanaan, sifat baik, perbuatan baik, kebajikan, bicara dan daya upaya. Sementara kalimat bahasa membawa maksud percakapan yang baik, tingkah laku yang baik, sopan santun. Bagaimanapun, dalam pengertian dan pemakaian umum masyarakat kita budi bahasa merangkumi erti tutur kata, kelakuan, tingkah laku, perangai, akhlak, sopan santun, tata tertib, sikap dan perbauatan. Tegasnya setiap gerak laku, tutur kata dan tata hidup kita sebagai peribadi mahu pun dalam pergaulan masyarakat terangkum dalam budi bahasa.

Jika disimpulkan bahawa peranan bahasa sebagai alat untuk menyebar dan mengukuhkan kedudukan dan unsur-unsur kebudayaan Melayu, tidak dapat tidak peranan bahasa itu mesti menjadi tunggak kebanggaan penuturnya menerusi penggunaannya yang penuh sopan santun dan juga memenuhi adab sopan berbahasa atau kesantunan berbahasa. Pada umumnya kesopanan berbahasa itu dapat merupakan salah satu elemen dalam ekspresi bahasa yang mementingkan adab sopan berbahasa atau perihal kesopanan serta kehalusan budi bahasa yang mencerminkan kehalusan tingkah laku seseorang yang terpancar menerusi penggunaan bahasa baik dalam bahasa lisan maupun tulisan.

Sememangnya masyarakat Melayu berpegang kuat kepada sistem nilai yang ditentukan oleh dua faktor utama iaitu agama Islam dan adat. Ini bermakna masyarakat Melayu kuat berpegang kepada ajaran Islam di samping adat turun temurun. Salah satu tuntutan agama ialah lemah lembut, halus budi bahasa dan sederhana dalam apa juu perkara dan tindakan. Dari sinilah nanti wujud suasana harmoni dalam jiwa sendiri dan kehidupan bermasyarakat. Malah mereka yang mengamalkan sikap mulia ini akan disanjung dan dimuliakan. Sebaliknya mereka yang bersikap kasar dan biadab, mereka tidak akan dihargai dan dihormati, jauh sekali untuk disanjungi dan dimuliakan.

2.2 Konsep Kesopanan Mengikut Pandangan Geoffrey Leech

Leech (1983) telah memperkenalkan satu prinsip yang dikenali dengan Prinsip Kesopanan. Prinsip ini dikemukakan hasil daripada kritikan beliau terhadap Prinsip Kerjasama yang dikemukakan oleh Grice. Beliau telah menegaskan bahawa Grice lebih berminat dalam membandingkan makna ujaran 'the said meaning' dengan 'the implicated meaning' (Pragmatic Force). Leech menjelaskan bahawa teori Grice hanya menekankan Prinsip Kerjasama untuk memerihalkan hubungan antara kuasa dengan maksud. Bagi Leech, selain daripada apa yang diberikan oleh Grice, dalam sesuatu perbualan juga memerlukan unsur seperti kesantunan bahasa untuk memahami maksud sesuatu ujaran. Di sinilah kekuatan pragmatik dapat menerangkan maksud yang jelas.

Oleh itu Prinsip Kesopanan yang diutarakan oleh Leech perlu diberi perhatian utama. Ini kerana prinsip ini mementingkan faktor budaya masyarakat, psikologi penutur-pendengar dalam menyampaikan maksud dengan berkesan. Tegasnya, prinsip kesopanan merupakan pelengkap dan penyelamat kepada Prinsip Kerjasama untuk menyampaikan makna dengan sebaik mungkin. Prinsip Kesopanan yang dikemukakan oleh Leech berasaskan kepada mengurangkan ujaran pendapat yang tidak beradab dan dalam masa yang sama cuba memaksimumkan ujaran yang beradab. Maksim kesopanan adalah maksim bersabit dengan tingkah laku beradab yang menghubungkan antara dua pihak dalam komunikasi iaitu 'diri sendiri' dan 'orang lain'. Diri sendiri merujuk kepada penutur atau penyampai, manakala orang lain merupakan pendengar atau penerima, malah termasuk juga pihak ketiga.

Aspek kesopanan yang ditekankan oleh Leech merangkumi semua jenis konsep sopan dalam perhubungan sesama manusia dalam semua bahasa. Aspek utama yang ditekankan oleh Leech ialah maksud yang hendak disampaikan oleh penutur dan keberkesanan makna yang difahami oleh penerima. Dalam mengutarakan maksim-maksim kesopanan, Leech menekankan dua perkara penting dan dijadikan rujukan utama iaitu fungsi ilokusi dan kategori lakuan ilokusi. Fungsi ilokusi merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh makna kata daripada segi matlamat. Manakala kategori lakuan ilokusi ialah tatatingkat bentuk lakuan yang dilahirkan oleh makna kata dari segi matlamat. Kepentingan kedua-duanya dapat menjelaskan hubungan antara maksud dengan kuasa dalam sesuatu ujaran.

Menurutnya kesopanan melibatkan pertalian antara dua orang peserta yang diklasifikasikan sebagai 'diri sendiri' dan 'orang lain'. Dalam perbualan, diri sendiri biasanya akan dikaitkan dengan penutur dan orang lain biasanya dikaitkan dengan pendengar. Penutur akan juga beradab terhadap pihak ketiga yang mungkin hadir atau mungkin tidak dalam situasi perbualan. Oleh yang demikian, label orang lain akan digunakan bukan sahaja untuk merujuk sidilawan sapa tetapi juga untuk merujuk orang orang yang dirujuk dengan gantinama ketiga (Leech, 1993: 158).

Terdapat dua konsep penting yang berkaitan dengan Prinsip Kesopanan iaitu 'ambivalens' dan 'prinsip-prinsip pragmatik' yang diutarakan oleh Leech. Ambivalens ialah ujaran yang mempunyai lebih daripada satu kuasa pragmatik yang berpotensi dan berupaya menyampaikan mesej dalam dua keadaan iaitu kemungkinan pendengar tidak

senang tetapi tidak pula menyinggung perasaannya. Manakala 'prinsip-prinsip pragmatik' dalam Prinsip Kesopanan adalah perlakuan ilokusi yang dalam keadaan cuba meminimumkan pernyataan kepercayaan yang tidak sopan dan memaksimumkan pernyataan kepercayaan yang sopan.

Sehubungan itu, Leech telah menggariskan beberapa maksim bagi menjelaskan Prinsip Kesopanan dalam komunikasi yang semuanya bersabit dengan tingkah laku beradab. Antara maksim-maksim itu ialah:

- i. Maksim Santun (tact)
- ii. Maksim Kerendahan Diri (modesty)
- iii. Maksim Persetujuan(agreement)
- iv. Maksim Simpati (sympathy)
- v. Maksim Kedermawan (generosity)
- vi. Maksim Sokongan (approbation)

2.2.1 Maksim Kesopanan Leech

Leech cuba menghuraikan bagaimana fenomena kesopanan dan kuasa ilokusi performatif, ilokusi tak terus dikendalikan. Beliau cuba menunjukkan secara tepat bagaimana Prinsip Kerjasama yang dipopularkan oleh Grice saling bekerjasama dengan Prinsip Kesopanan yang dipopularkan oleh beliau sendiri untuk mentafsir ketakterusan. Menurut Leech, kedua-dua prinsip ini diperlukan untuk menjelaskan tafsiran pragmatik.

Leech seterusnya menekankan bahawa Prinsip Kerjasama juga diperlukan untuk membantu kita memperihalkan pertalian antara maksud dengan kuasa. Penjelasan ini amat berguna untuk menyelesaikan beberapa masalah yang membingungkan akibat menggunakan pendekatan semantik yang berteraskan kebenaran. Manakala Prinsip Kesopanan menjadi penting kerana melengkapkan lagi tafsiran makna terhadap setiap ujaran kerana Leech menerapkan prinsip pragmatik secara lebih meluas serta secara peka masyarakat dan peka psikologi. Ini bererti, Prinsip Kesopanan akan dilihat bukan sebagai satu lagi prinsip yang harus ditambah tetapi merupakan pelengkap yang perlu dan menyelamatkan Prinsip Kerjasama daripada dilanda kesukaran.

Ini dapat dijelaskan dalam contoh ujaran di bawah;

- A: Ada seseorang yang telah mengambil barang saya
B: Bukan saya yang ambil!

Dalam perbualan di atas, B nampaknya bertindak balas seolah-olah dia harus melepaskan dirinya daripada tuduhan melakukan perbuatan mencuri. Apa yang cuba dibahaskan oleh Leech ialah katakan A tidak pasti siapa yang telah melakukan kesalahan ini tetapi mengesyaki B lah orang yang melakukannya. Maka langkah bersopan yang boleh dilakukan oleh A ialah untuk tidak menuduh secara terus sebaliknya mengujarkan pernyataan yang kurang jelas tetapi, masih benar. Ini dapat dilihat apabila A menggunakan perkataan 'sesiapa' yang maksudnya tidak khusus atau kabur.

Ujaran ini dapat ditafsirkan sebagai tuduhan secara sipi. A bertindakbalas terhadap implikatur ini dan tidak meneruskan implikatur kerana adanya Prinsip kesopanan. Ini bertujuan untuk menjaga keharmonian hubungan antara A dan B

daripada terjejas. Kesopanan bukan cuma khusus bermakna 'berbaik-baik' sahaja tetapi adalah penjalin tersirat kepada Prinsip Kerjasama dengan masalah bagaimana mempertalikan maksud dengan kuasa. Ertinya Leech cuba mengemukakan peranan kesopanan dalam pragmatik dan bagaimana kesopanan digunakan dalam bahasa.

Sebutungan itu beliau telah menumpukan perhatian pada strategi analisis alat tujuan yang produktif dan strategi mentafsir secara heuristik dengan melihat kesopanan dari segi pandangan sidilawan-sapa dan bukannya pandangan penutur. Terdapat empat kategori ilokusi untuk melihat darjah kesopanan dalam sesuatu ujaran atau perbualan.

1. BERSAINGAN: Matlamat ilokusi ini bersaingan dengan matlamat sosial. Misalnya meminta, memerintah, mendesak, merayu dan sebagainya.
2. BERAMAH TAMAH: Matlamat ilokusi sama dengan matlamat sosial. Misalnya mempelawa, menjemput, menyapa, mengucapkan terima kasih, mengucapkan tahniah.
3. KOLABORATIF: Matlamat ilokusi tak peka terhadap matlamat sosial. Misalnya menyatakan, melaporkan, mengumumkan, mengarahkan dan sebagainya.
4. BERKONFLIK: Matlamat ilokusi berkonflik dengan matlamat sosial. Misalnya mengancam, menuduh, menyumpah, mencela.

Daripada empat jenis ilokusi tadi, ilokusi bersaingan dan beramah tamah sahaja yang banyak melibatkan kesopanan. Jika sesuatu fungsi ilokusi adalah fungsi bersaingan, maka kesopanannya merupakan kesopanan negatif. Gunanya ialah untuk mengurangkan pergeseran yang tersirat dalam persaingan yang melibatkan apa yang A

mahu lakukan dengan apa yang dianggapnya sebagai beradab. Matlamat bersaingan pada dasarnya adalah matlamat yang biadab. Misalnya matlamat meminta seseorang meminjamkan duitnya kepada kita. Dalam hal ini Prinsip Kesopanan diperlukan untuk meredakan kebiadapan tersirat sesuatu matlamat (Leech, 1993: 125).

Fungsi ilokusi dilihat lebih bertanggungjawab untuk menjelaskan maksud ujaran. Manakala kategori lakuan ilokusi pula menjelaskan bagaimana maksud ujaran dapat melahirkan jenis-jenis lakuan ilokusi dan seterusnya melahirkan 'lakuan bahasa'. Dalam membincangkan konsep ini, Leech mengandaikan bagaimana manusia mengawal tatacara di dalam proses perbualan.

Fungsi beramah tamah merujuk kepada menjadikan kesopanan yang lebih positif untuk mendapatkan peluang bagi memajukan sikap hormat. Kesopanan positif bermakna mematuhi Prinsip Kesopanan. Misalnya jika kita berpeluang untuk mengucapkan tahniah kepada seseorang pada hari jadinya yang ke-100 maka kita harusnya melakukannya bagi meraikan kawan, kenalan atau individu tersebut (Leech, 1993: 125).

Huraian mengenai maksim-maksim ini dapat dilihat dalam huraian yang menyusul kemudian. Maksim-maksim ini nanti akan digunakan sebagai piawai bagi menjelaskan batas, jenis, serta bentuk-bentuk pertuturan atau bentuk-bentuk bahasa yang bercirikan kesopanan. Malah maksim-maksim ini berperanan menjelaskan maksud

dalam keadaan bekerjasama atau suasana harmoni dalam memberi dan menerima maksud pertuturan yang dikongsi bersama.

2.2.1.1 Maksim Santun

Maksim santun adalah cara untuk meminimumkan kos bagi orang lain dan untuk memaksimumkan manfaat bagi orang lain. Maksim ini menggalakkan ungkapan pendapat yang beradab dan bukannya pendapat yang biadab (Leech, 1993:158).

Sebetulnya maksim santun boleh dilihat dari dua sudut kesopanan iaitu kesopanan negatif dan kesopanan positif. Dari sudut kesopanan negatif, maksim santun ialah ujaran pendapat yang mengimplikasikan kos yang minimum kepada pendengar. Manakala dari sudut kesopanan positif pula ialah merujuk kepada ujaran pendapat yang mengimplikasikan manfaat yang maksimum kepada pendengar.

Bagi meminimumkan kos kepada pendengar, langkah yang diambil oleh penutur ialah dengan cara menyipikan, mengurangkan atau memendamkan terus pendapat yang berkos tinggi yang 'sukar' diterima oleh pendengar. Atas dasar inilah penutur akan cuba sedaya mungkin mengujarkan pendapat yang bersifat minimum kosnya untuk mengelakkan daripada berlakunya konflik dengan pasangan komunikasinya (Leech, 1993: 136).

Manakala dari sudut kesopanan positif iaitu menuju ke arah memaksimumkan manfaat kepada pasangannya, penutur akan memenuhi ataupun mendedahkan terus pendapat yang memberi manfaat kepada pendengar. Di sinilah penggunaan maksim atau petunjuk menjadi piawai atau kayu pengukur terhadap ungkapan yang bakal dilafazkan oleh setiap penutur agar pasangannya tidak berkecil hati atau kecewa.

Maksim santun boleh diterap pada kategori ilokusi impositif dan komisif. Memberi arahan merujuk kepada isi proposisi yang digunakan untuk menghasilkan kesan tertentu yang dilakukan oleh pendengar atau penerima. Misalnya dalam konteks menyuruh, memerintah, memohon, menasihat, mengesyorkan sesuatu dan sebagainya. Kategori komisif pula merujuk kepada akibat yang dilakukan oleh penutur kepada penerima pada masa hadapan sama ada secara bersungguh-sungguh atau kurang seperti berjanji, bersumpah, mempelawa dan sebagainya.

Satu contoh bagaimana Maksim Santun dipatuhi oleh penutur berlaku apabila penutur mengujarkan satu permintaan yang berbentuk menyuruh seperti; *Bolehkah awak tolong senyap?*. Pada masa ini pendengar tidak mengendahkan permintaan tersebut. Maka penutur terpaksa akur kepada ketakterusan iaitu tidak meneruskan ujaramnya untuk mematuhi maksim santun serta memenuhi ciri-ciri kesopanan (Leech, 1993: 152).

2.2.1.2 Maksim Kedermawanan (generosity)

Maksim kedermawanan adalah usaha untuk meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri. Sehubungan itu, Leech telah memerihalkan maksim kedermawanan sebagai bentuk pengajaran yang memberi keuntungan yang minimum bagi diri sendiri. Maksim Kedermawanan bersifat 'berpusat kepada diri sendiri'. Ini kerana penuturnya mengujarkan pendapat yang mengimplikasikan kos dan manfaat yang maksimum bagi dirinya sendiri.

Maksim Kedermawanan merujuk kepada cara melahirkan kesopanan apabila penutur menyampaikan maksud ujarannya dan seterusnya melahirkan lakuhan berbahasa yang sesuai dan penuh kesantunan. Pendengar merasakan sesuatu ujaran itu lebih beradab dan merasakan lebih dihormati apabila mendengar ujaran yang meminimumkan keuntungan pada penuturnya. Atas dasar inilah penutur akan berlandaskan kehalusan bahasa dalam setiap ujarannya. Misalnya ujaran seorang sahabat yang membuat tawaran untuk memberi pinjam kereta kepada sahabatnya. Begitu juga sikap seorang sahabat yang meminta rakannya supaya hadir ke majlis makan malamnya. Tawaran dan jemputan ini dianggap sebagai beradab kerana kedua-duanya mengimplikasikan kos terhadap penutur tersebut.

Maksim Kedermawanan bermaksud ketulusan hati yang ada pada seseorang penutur. Penutur sanggup mengurangkan keuntungan diri sendiri demi mengawal pendengar supaya tidak menanggung kos yang tinggi. Dengan kata lain maksim ini

merupakan cara penutur menilai serta menapis bentuk ujaran yang akan diungkapkan berlandaskan pengurangan keuntungan untuk diri sendiri atau melebihkan tanggungan diri sendiri demi melahirkan ujaran yang penuh beradab sopan terhadap pasangan perbualannya.

2.2.1.3 Maksim Sokongan (approbation)

Maksim ini adalah usaha untuk meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain. (Leech,1993:162). Setiap ujaran akan dikira sebagai bersopan dan mematuhi Maksim Sokongan berdasarkan nilai tara cacian dan pujian yang ditujukan kepada pendengar. Oleh itu penutur hendaklah sedaya mungkin cuba menghindarkan daripada mengungkapkan perkataan yang tidak manis terhadap pasangan komunikasinya. Sebaliknya memilih kata-kata yang berunsurkan pujian dan perkataan yang digemari oleh pasangannya.

Bagi mengukur cacian atau pujian ini, konsep ketidakterusan berbahasa digunakan. Ini bermakna semakin tinggi kadar tidak terus digunakan untuk mencaci orang lain, maka semakin bersopanlah ujaran tersebut. Ini kerana penutur cuba mengawal diri ketika bertutur demi mengelakkan lahirnya cacian dan ungkapan yang tidak sopan. Sebaliknya seseorang penutur itu akan dianggap sebagai biadab dan melanggar maksim sokongan apabila semakin kurang ketidakterusan untuk mengujarkan cacian terhadap orang lain. Dengan kata lain, semakin jelas pujian terhadap orang lain, maka semakin tinggi nilai kesopanannya. Sebaliknya jika penutur semakin kurang atau

tidak jelas menggunakan kata pujian, maka dia akan dianggap sebagai penutur yang biadab.

Maksim ini boleh disifatkan sebagai maksim mengampu tetapi penggunaannya terhad lantaran hanya sesuai untuk sokongan yang tidak jujur sahaja. Ujaran yang mempunyai unsur cacian boleh mengimplikasikan perasaan benci, cuak dan berdendam kepada orang yang melafazkannya. Sebaliknya kata pujian pula boleh mengimplikasi dan melahirkan perasaan berkenan, sayang, hormat dan optimis kepada orang yang mengungkapkannya. Sehubungan itu Leech yakin apabila sesuatu ujaran itu lebih bersifat meminimumkan cacian dan memaksimumkan pujian kepada orang lain, ia boleh menjadi sokongan ke arah menjelaskan maksud dengan kuasa dalam sebuah komunikasi sopan (Leech, 1993:162).

2.2.1.4 Maksim Kerendahan Hati (modesty)

Leech telah mengakrifkan maksim ini sebagai piawai untuk meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri. (Leech,1993:163). Maksim ini lebih menumpukan pandangan dan perhatian terhadap pujian dan cacian terhadap diri penutur sendiri dalam melahirkan ujaran yang bersopan. Maksim ini seperti juga dengan maksim kesopanan yang lain iaitu selalunya dalam bentuk tidak simetri. Misalnya adalah menyenangkan jika kita bersetuju dengan pujian orang lain asalkan pujian itu tidak ditujukan pada diri kita sendiri. Begitu juga ujaran

yang berbentuk cacian terhadap diri sendiri pun dapat diterima semata-mata untuk mendatangkan kesan lucu.

Seseorang penutur itu dikatakan mematuhi maksim kerendahan hati apabila cuba mengelak atau menafikan kata-kata pujian yang diungkapkan oleh pasangan komunikasinya. Mengikut amalan sosio budaya masyarakat Melayu, nilaitara kata pujian yang seminimum mungkin dan cacian yang maksimum terhadap diri sendiri boleh mengimpakkan penilaian yang positif dan bersopan oleh penerima atau pendengar. Penutur sebegini sepastinya mereka yang rendah diri, tidak sombang dan baik hati. Contoh lakuan ujaran yang memperlihatkan Maksim Kerendahan Hati dipatuhi ialah memohon maaf.

Sebaliknya pula, seseorang penutur itu dikatakan melanggar Maksim Kerendahan Hati apabila melakukan lakuan larangan sosial. Misalnya 'bercakap besar' tatkala bertutur dengan pasangan interaksinya (Leech, 1993: 159). Penutur sebegini tergolong sebagai orang yang angkuh, bongkak dan biadab atau tidak bersopan.

2.2.1.5 Maksim Persetujuan (agreement)

Leech memerihalkan maksim ini sebagai untuk meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain (Leech, 1993:158). Maksim persetujuan mengambil kira nilaitara pernyataan setuju antara diri sendiri dengan orang lain. Ini bermakna penutur

akan cuba mengawal pertuturnya agar pernyataan tidak setuju atau pernyataan yang boleh membawa perbalahan diungkapkan. Ini dilakukan dengan cara tidak menyatakan langsung atau menyipikannya walaupun pada hakikatnya penutur tidak bersetuju sama sekali. Sebaliknya pernyataan setuju diungkapkan dengan terang dan nyata cuba dimaksimumkan.

Mengikut maksim ini nilai kesopanan terletak pada ujaran yang berhati-hati dan sopan oleh penutur melalui konsep ketidakterusan. Maksim persetujuan lebih terus kepada konsep setuju dan tidak setuju. Dari konsep negatifnya maksim ini mengambilkira nilaitara ujaran yang membawa perbalahan atau pernyataan tidak setuju antara diri sendiri dengan orang lain. Ini bermakna semakin tidak terus ungkapan yang boleh membawa perbalahan semakin tinggilah tahap kesopanannya. Dengan kata lain semakin jelas pengajaran pendapat setuju, maka semakin tinggi darjat kesopanannya.

Perlenggaran Maksim Persetujuan ini akan berlaku apabila penuturnya mengujarkan pendapat yang boleh menimbulkan kesan negatif terhadap pasangan komunikasinya. Ini bermakna semakin terus pernyataan yang boleh membawa perbalahan, semakin rendah nilai kesopanannya atau dicop sebagai biadab. Begitu juga halnya, semakin tidak jelas pernyataan yang menyatakan setuju maka semakin biadablah sesuatu komunikasi tersebut. Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa Maksim Persetujuan merupakan maksim yang perlu dalam setiap komunikasi lisan.

2.2.1.6 Maksim Simpati (sympathy)

Leech menyatakan maksim ini sebagai usaha meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain (Leech,1993:159). Maksim ini menggalakkan ungkapan pendapat yang beradab dan bukannya pendapat yang biadab. Setiap ujaran itu dikatakan sebagai memenuhi maksim simpati apabila penutur meminimumkan ungkapan yang mengimpakkan rasa benci antara diri sendiri dengan orang lain. Penutur juga memaksimumkan rasa belas kasihan atau simpati antara diri sendiri dengan orang lain. Misalnya penggunaan ucapan tahniah dan takziah merupakan maksim simpati yang digunakan dengan jelas dalam masyarakat Melayu, walaupun ucapan takziah lebih merujuk kepada pendapat yang negatif di sisi pendengar.

Maksim ini juga menggunakan nilaitara konsep ketidakerusan berbahasa. Ini bermakna darjah ketidakerusan menjadi pengukur sama ada penutur itu mematuhi atau melanggar maksim ini. Setiap penutur dianggap sebagai orang yang beradab jika ungkapannya bersifat tinggi darjah ketidakerusannya. Manakala jika penutur tidak menghiraukan tentang ketidakerusan ujarannya, lahirlah ungkapan yang biadab iaitu melanggar maksim simpati dan tidak memenuhi konsep kesopanan.

Seseorang penutur itu dikatakan mematuhi maksim simpati dan dianggap sebagai orang yang bersopan apabila beliau mengujarkan ujaran berbentuk memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain secara lebih terus.

Manakala jika penutur mengujarkan ujaran berbentuk meminimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain dengan menggunakan konsep ketidakterusan yang maksimum, penutur ini dikatakan melanggar maksim simpati dan dianggap tidak bersopan atau biadab.

2.3 Rumusan

Setelah kita meninjau klasifikasi maksim-maksim yang dikemukakan oleh Leech dapatlah dirumuskan bahawa aspek kesantunan berbahasa menjurus kepada pemahaman makna yang hakiki dalam sesuatu komunikasi lisan. Ini amat bertepatan dengan kajian terhadap perbualan dalam masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu memang kuat berpegang kepada amalan berbahasa yang lemah lembut, bersopan dan berhemah tinggi. Mereka seringkali menggunakan tuturkata yang halus, penuh sopan dan tertib ketika berkomunikasi atau berinteraksi yang tersirat di dalamnya unsur kesopanan, kemesraan, rasa hormat dan sebagainya. Kesantunan berbahasa dapat diertikan sebagai kesopanan dalam hal berbahasa. Ini merujuk pula kepada bahasa yang digunakan itu menggambarkan bahasa penutur itu berperibadi mulia dan sentiasa menghormati orang lain yang berinteraksi dengannya. Ini bermakna mereka yang gagal menggunakan bahasa sopan ketika berinteraksi akan dianggap sebagai biadab. Golongan ini akan dianggap sebagai mereka yang tidak mematuhi norma dan sistem nilai masyarakat setempat. Maka tidak hairanlah mereka ini ada yang dibenci, disisihkan atau dipencilkan oleh anggota masyarakat terbanyak.

Pengguna bahasa mesti akur kepada tiga perkara penting ketika mereka berbahasa. Aspek tersebut ialah; tempat bahasa digunakan, bila masa berbahasa dan yang akhir sekali kepada siapa dan dengan siapa bahasa itu digunakan. Inilah prinsip yang perlu dipraktikkan saban waktu agar inteaksi dan komunikasi yang terjalin berlaku dalam suasana yang mesra, hormonis, hormat dan sebagainya.

Kesantunan berbahasa juga bukan hanya terhad kepada pemilihan kata, laras bahasa, sistem sapaan dan sebagainya, malah mencakupi bahasa yang tidak dapat didengar seperti bahasa muka (ekspresi muka) -muka masam, termanggu, gembira, renungan tajam, senyum sinis, marah, suka, jeling, binggung, sedih, jelak atau muak, bahasa badan, tingkah laku seperti cara duduk, cara menunjuk, menggunakan tangan, bersalam, mencium tangan ketika bersalam, aksi membongkokkan badan sebagai tanda hormat dan sebagainya.